

Wartakan Yesus!

NEW YORK: “Adakah kita benar-benar percaya tentang Kristus dan kerajaan-Nya? Jika kita benar-benar percaya maka kita perlu mewartakannya! Kita tidak boleh menyimpan Berita Baik untuk diri kita sendiri sahaja. Kita perlu melaungkannya daripada puncak gunung! Kita perlu mengisytiharkannya melalui cara hidup dan perkataan kita,” kata Uskup Auksilier Kota New York, Msgr Joseph Espaillat.

Warga New York pada Oktober 15 lalu, berhimpun di salah sebuah Gereja paling terkenal di Kota New York iaitu Katedral St. Patrick.

Lebih 3,500 umat telah mengikuti Saat Teduh, berdoa rosari dan Misa Kudus di Katedral St Patrick, sebelum berarak ke jalan-jalan utama di Kota New York sempena perarakan Ekaristi.

Saat Teduh dan doa rosari dipimpin oleh Uskup Auksilier, Joseph Espaillat manakala Misa Kudus diselebrankan oleh Uskup Agung Paul Coakley dari Kota Oklahoma dan homili disampaikan oleh Msgr James Shea, presiden Universiti Maria di Dakota, Utara.

Uskup Joseph Espaillat turut berbicara tentang keperluan bukan sahaja menjadi pendengar firman tetapi juga pelaku firman. “Kebanyakan penganut Katolik suka datang ke Gereja selama 30-40 minit. Kemudian boom! Semuanya bergeser selepas Misa! Adakah kita benar-benar mewujudkan komuniti? Adakah kita benar-benar mencipta keluarga? Adakah kita benar-benar bersemangat tentang Kristus dan kerajaan-Nya?” dia bertanya. “Jika kita benar-benar percaya Yesus benar-benar hadir dalam Ekaristi, maka kita perlu mewartakannya!”

“Saudara dan saudari dalam Kristus, tahukah kamu siapa kesayangan dan kegemaran Kristus? Kitalah kegemaran dan kesayangan Kristus, dari dahulu, sekarang dan selama-lamanya. Oleh itu, kita harus mewartakan-Nya!”

Prelatus itu juga memuji umat yang mengambil cuti demi menyertai acara pada hari itu. “Dengan ini, Bos dan rakan sekerja anda melihat kamu ke Gereja. Dan hari ini, kota New York juga akan melihat Yesus melalui iman anda,” kata Uskup Joseph sambil mengingatkan kongregasi kepada pilihan raya yang akan datang dan cadangan perundangan negeri New York yang dipanggil Proposisi 1, atau “Pindaan Hak Sama Rata.”

Beliau mengingatkan bahawa “Proposisi itu bertentangan dengan ajaran Katolik. Kita tidak boleh membenarkan pengguguran atas permintaan tanpa sekatan sehingga sembilan bulan!”



Laluan lalu lintas di kota New York, terhenti seketika untuk memberi laluan serta menghormati Tubuh Kristus yang diarak lebih tiga ribu umat dari Katedral St Patrick, New York, Oktober 15, 2024. Kredit Gambar: CNA.

Intensi Misa Kudus pada hari itu ditujukan untuk keamanan di Tanah Suci. Msgr James Shea dalam homilinya bercakap tentang ironi betapa ramai orang yang mahu mempercayai sepenuhnya janji Tuhan tetapi masih ragu-ragu.

“Tuhan ingin menghilangkan dahagamu dan memuaskan rasa laparmu. Tetapi kita bertanya-tanya dalam hati, apakah kuasa Tuhan itu benar?”

“Kekurangan iman terhadap Tuhan menyebabkan ramai umat Katolik tidak dapat menunjukkan iman mereka. Tetapi jika anda percaya dan melakukan firman-Nya, apakah yang akan terjadi? Ini bermakna, penderitaan dan kemenangan Yesus, akan menyertai kehidupan kita dan kita boleh berandal kepada-Nya untuk segala-galanya dan selama-lamanya.”

Selepas Misa, para klerus, religius, seminaran dan umat, berarak membawa monstrans berisi Tubuh Yesus berjalan

melalui beberapa blok bandar termasuklah di salah satu kawasan yang dipenuhi pelancong di New York, menyebabkan lalu lintas terhenti.

“Apa yang mengejutkan saya ialah penghormatan orang ramai yang menyaksikan perarakan ini,” kata Debby Kruszewski dari Mamaroneck, New York.

“Saya melihat di bangunan dan tingkap-tingkap dipenuhi dengan orang ramai yang memandang ke bawah pada perarakan itu. Saya berdoa untuk orang yang belum mengenal Kristus, yang melihat perarakan itu, dapat mengalami detik yang mengubah hidup mereka!”

Kristy Schade dari Larchmont, New York, pula berkongsi, “Saya menyaksikan semasa perarakan, seorang anggota polis menahan lalu lintas. Seorang pejalan kaki bertanya kepada polis itu, ‘Berapa lama perarakan ini akan berakhir?’ Polis itu menjawab, ‘Itu Yesus. Dia akan mengambil masa selama mana yang Dia perlukan!’” CNA

50,000 belia berdoa untuk keamanan di Andes

AUCO, Chile: “Bersama Teresa, Penziarah Harapan” adalah tema yang telah menarik lebih 50,000 kaum muda Chile ke shrine Sta Teresa, Andes pada Oktober 13 di bandar Auco, Chile.

Penziarah dari pelbagai negara, berjalan sejauh 17 batu dari bukit Chacabuco hingga ke shrine, di mana Uskup Auksilier Santiago, Fernando Chomali, merayakan Misa Kudus.

Ziarah pada Oktober 13 di shrine Sta Teresa di Andes ialah tradisi di Chile. Ia berlangsung pada hari Minggu kedua bulan Oktober dan dianjurkan oleh Vikariat Belia yang bertujuan mengungkapkan kesyukuran atas berkat melalui perantaraan Sta Teresa.

Uskup Auksilier Fernando memulakan homilinya dengan permohonan pengampunan kaum muda, “Ampunilah

kami kerana melupakan-Mu.”

“Ampunilah kami kerana kami tidak dapat menghentikan peperangan yang membunuh dan memusnahkan.

“Kami memohon ampun kerana kami tidak dapat menghentikan rasuah yang merugikan kami.

“Kami juga memohon pengampunan untuk semua jenis penderaan, juga yang telah dilakukan oleh Gereja, yang sangat menyakitkan kami...” ucap Uskup Agung Auksiler Fernando.

Prelatus itu menyeru orang muda untuk terus melakukan perjalanan atau ziarah doa kerana “mereka yang tidak berdoa, tidak layak berkata apa-apa kepada dunia.

“Kita sebagai sebuah Gereja tidak boleh membiarkan diri kita menjadi cetek. Janganlah kita bertolak ansur dengan segala jenis penderaan dan penyelewengan.

“Marilah kita menjalani pengembaraan iman yang didedikasikan untuk mereka yang memerlukan.

Saya mengajak anda untuk meluangkan waktu bagi merenung, agar lebih serius tentang kehidupan kita, orang lain dan alam ciptaan-Nya,” katanya.

Turut membantu dalam Misa Kudus, Fr Jonathan Muñoz, vikaris bagi pelayanan belia, mengucapkan terima kasih kepada para penziarah atas penyertaan hebat mereka.

“Saya amat bersyukur kerana pada hari ini, kerana anda meninggalkan tempat ini dengan harapan yang diperbaharui, untuk menjadi harapan bagi dunia dan seluruh Gereja.

“Dan semoga harapan itu tidak berakhir di sini sebaliknya terus berharap, menjadi penziarah harapan bersama Sta Teresa.” CNA

Cinta yang matang

Seorang pendeta Lutheran, Dietrich Bonhoeffer sering menawarkan nasihat ini kepada pasangan ketika dia memberkati perkahwinan mereka: “Hari ini anda sedang jatuh cinta dan percaya cinta anda akan mengekalkan perkahwinan anda, tetapi sebenarnya tidak. Biarkan perkahwinan anda yang mengekalkan cinta anda.”

Kata-kata beliau memang bijak, tetapi apa sebenarnya maksudnya? Mengapa cinta tidak dapat mengekalkan perkahwinan? Apa yang Bonhoeffer ingin sampaikan di sini ialah, adalah naif untuk percaya atau berfikir bahawa perasaan atau emosi akan mengekalkan cinta dan komitmen dalam jangka masa panjang.

Tidak! Emosi dan perasaan tidak akan dapat mengekalkan cinta dan komitmen kita. Tetapi ritual boleh. Bagaimana? Dengan mencipta wadah ritual yang boleh memastikan kita stabil meskipun dalam emosi sedih atau gembira yang melanda kita dalam sebarang hubungan jangka panjang.

Ringkasnya, kita tidak akan mengekalkan hubungan jangka panjang dengan orang lain, dengan Tuhan, dengan doa, atau dalam pelayanan ikhlas — atas dasar perasaan dan emosi yang positif. Perasaan dan emosi kita kebanyakannya datang dan pergi sesuka hati malah tidak teratur.

Kita tahu emosi kita tidak kekal positif selama-lamanya. Hari ini kita berasa sayang terhadap seseorang dan keesokan harinya kita berasa jengkel.

Begitu juga dengan doa. Mungkin hari ini kita berasa gembira dan fokus membaca Kitab Suci, tetapi keesokan harinya, mungkin kita berasa bosan dan terganggu.

Oleh sebab itu, Bonhoeffer mencadangkan bahawa kita perlu mengekalkan cinta dan doa dengan ritual, iaitu, dengan amalan kebiasaan yang membuat kita teguh dan komited dalam arus perasaan dan emosi. Sebagai contoh, pasangan dalam perkahwinan.

Mereka jatuh cinta dan komited untuk menyayangi satu sama lain dan kekal bersama antara satu sama lain sepanjang hayat mereka.



Pada dasarnya, mereka berniat untuk menghormati satu sama lain, baik antara satu sama lain, dan akan mati untuk satu sama lain.

Walau bagaimanapun, emosi tidak dapat membantu mereka untuk mengekalkan niat dan kehendak mereka.

Beberapa waktu kemudian, emosi mereka menyebabkan seolah-olah cinta mereka ialah sebuah dusta. Mereka berasa jengkel dan marah antara satu sama lain. Namun, ritual tindakan mereka mengekalkan rasa disebabkan ritual, cinta dan komitmen, bukan perasaan negatif mereka, berjaya mengekalkan rumaja

Misalnya, mereka tetap memeluk dan mencium satu sama lain ketika mereka meninggalkan rumah pada waktu pagi dengan kata-kata, “Aku sayang kamu!” Adakah kata-kata itu satu pembohongan? Adakah mereka hanya melakukan sesuatu? Atau adakah ini cinta sejati?

Perkara yang sama berlaku untuk cinta dan komitmen dalam keluarga. Bayangkan seorang ibu dan bapa dengan dua orang anak remaja, seorang lelaki berusia enam

belas tahun dan seorang perempuan berusia empat belas tahun.

Sebagai sebuah keluarga, mereka mempunyai peraturan bahawa mereka akan duduk bersama semasa makan malam selama empat puluh minit setiap petang, tanpa telefon bimbit mereka.

Maka, apabila petang, anak lelaki atau perempuan atau salah seorang ibu bapa datang ke meja (tanpa telefon bimbit mereka) meskipun berasa bosan, mahu berada di tempat lain, takut atau sibuk.

Tetapi mereka tetap datang kerana mereka telah membuat komitmen itu. Adakah perlakuan mereka sia-sia atau menunjukkan cinta sejati?

Andai Bonhoeffer betul, dan saya akui pendapatnya adalah benar, maka orang-orang yang disebutkan tadi bukan sekadar melakukan tindakan sebaliknya mereka menyatakan cinta yang matang. Perasaan dan emosi gembira, tidak akan mengekalkan cinta dan komitmen kita dalam jangka masa lama.

Hanya kesetiaan kepada komitmen dan tindakan ritual yang menyokong perasan

baik itu tidak hilang.

Dalam budaya kita hari ini, kita tidak memahami akan hal ini. Daripada seseorang yang terperangkap dalam budaya menagih kasih sehinggalah kepada sebilangan besar ahli terapi, pemimpin doa, pembimbing rohani dan kesatuan, kita mendengar nasihat seperti ini: *Jika anda merasakan ia sia-sia, maka ia memang sia-sia: anda hanya mengikuti aliran atau pergerakan! Itu ritual kosong!*

Sesungguhnya, memang ada risiko amalan itu akan menjadi ritual kosong. Seperti yang tertulis dalam kitab suci, kita boleh memuliakan Tuhan dengan bibir kita walaupun hati kita jauh daripada-Nya.

Namun, cinta yang matang tidak didorong oleh kepentingan diri dan perasaan yang baik. Cinta yang bijak dan matang ialah memahami keadaan manusia yang serba serbi tidak sempurna dan rumit. Ketidak sempurnaan inilah mewarnai dan merumitkan segala-galanya — termasuk yang kita cintai, diri kita sendiri, dan realiti cinta manusia itu sendiri.

Buku yang kita perlukan tentang cinta bukanlah yang ditulis oleh kekasih yang sedang mabuk bercinta pada bulan madu mereka.

Begitu juga dengan buki doa yang kita perlukan, yang bukan ditulis oleh seorang neofit yang sedang ghairah menikmati keindahan doa atau yang ditulis oleh kebanyakan pemimpin doa yang bersemangat.

Buku yang kita perlukan tentang cinta ialah buku yang ditulis oleh pasangan suami isteri yang, melalui ritual terss itu, mereka mengekalkan komitmen melalui pasang surut selama bertahun-tahun.

Sama seperti buku yang kita perlukan tentang doa, kita memerlukan buku yang ditulis oleh seseorang yang taat melalui kehidupan doa dan Gereja, taat mengikuti semua tatacara liturgi mengikut musim dan hari Minggu tetapi kadang-kadang merasa jemu atau malas berdoa dan bergelut untuk ke Gereja pada setiap hari Minggu!

Hakcipta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser

Semoga kita dapat melihat ...

Yesus dan murid-murid sedang melakukan perjalanan jauh dari Galilea menuju ke Yerusalem.

Ketika mendekati Yerusalem, di Yeriko Yesus mendengar seruan kuat dari Bartimeus, si pengemis buta, “Yesus, Anak Daud, kasihanilah aku!”

Ramai orang menegur si buta, memintanya agar dia diam.

Mengapa orang ramai bereaksi seperti itu? Apakah kerana Bartimeus seorang pengemis yang kotor, berteriak-teriak dan mengganggu Yesus?

Si buta itu adalah juga warga masyarakat seperti mereka. Bukankah dia juga berhak melihat dan berjumpa dengan Yesus?

Ketika orang ramai mendengar si buta memohon kesembuhan daripada Yesus, bukankah mereka harus menolong dia, membawanya kepada Yesus?

Reaksi Yesus amat mengagumkan. Di kala orang ramai cuba mendiamkan si buta, Dia meminta agar Bartimeus dibawa kepada-Nya!

Dan ketika si buta itu datang, Yesus bertanya: “Apa yang kau kehendaki Ku perbuat bagimu?” Jawapan Bartimeus: “Rabuni, semoga aku dapat melihat!”

Bartimeus disembuhkan dan dia dapat melihat. Tetapi dia melihat bukan hanya dengan matanya tetapi yang lebih penting, Bartimeus melihat dengan mata imannya. Bagaimana? Sebab meskipun Bartimeus buta dalam penglihatan namun dia “melihat dengan imannya”, dengan jelas dan pasti siapakah Yesus itu sebenarnya! Itulah inti iman atau kepercayaan Bartimeus.

Kepercayaan inilah yang membuat dia menjadi murid-Nya. Pada akhir cerita Injil hari ini, dinyatakan bahawa Bartimeus “mengikuti Yesus dalam perjalanan-Nya”, iaitu ke Yerusalem, di mana Yesus akan menderita dan mati disalib.

Apakah pesan Injil dalam kisah penyembuhan Bartimeus yang buta itu?

Rasa belas kasihan merupakan ciri khas pewartan dan pelayanan Yesus. Kisah-kisah penyembuhan oleh Yesus, yang dicatat dalam Injil, bukan hanya menunjukkan penyembuhan penyakit mata fizikal tetapi juga penyakit mata/rohani/batin.

Kisah penyembuhan Bartimeus mengandungi sebuah pesan rohani iaitu pesan tentang hubungan antara melihat

dan percaya.

Injil mengingatkan kita, bahawa di samping kebutaan jasmani/fizikal, ada juga kebutaan rohani/batin/jiwa.

Murid-murid Yesus dahulu dan sekarang, juga memiliki dan mengalami pelbagai ‘penyakit’ dalam cara berfikir dan bertindak.

Salah satu penyakit itu, secara simbolik, disebut penyakit “kebutaan” iaitu ketidakmampuan kita untuk memahami makna penderitaan atau kesukaran hidup yang kita alami.

Tanpa disedari kita sering memiliki pandangan yang sempit di mana penglihatan rohani atau batin kita terhadap orang lain dan keadaan masyarakat sering kali kabur, ibarat buta.

Dan akibat kebutaan penglihatan itu, ia menghasilkan sikap pandangan dan hidup yang suram, pesimis, kecewa bahkan putus asa.

Malah, kebutaan mata batin juga menimbulkan pandangan angkuh, merasa serba tahu, merasa selalu benar, bahkan merasa tak pernah salah. Maka, kita amat memerlukan mukjizat penyembuhan!

Kita ini harus bersikap seperti Bartimeus iaitu kita perlu sedar bahawa

**HARI MINGGU
BIASA KE-30**

TAHUN B

YEREMIA 31:7-9

IBRANI 5:1-6

INJIL MARKUS 10:46-52

penglihatan atau mata rohani/batin kita sering buta, dan kita harus selalu merasa perlunya penyembuhan. Dan yang dapat menyembuhkan ialah Yesus Kristus.

Selain itu, mari memeriksa sikap dan hati kita, adakah kita juga sering bersikap dan berbuat seperti orang-orang yang berusaha menolak atau menyingkirkan Bartimeus ketika Bartimeus mahu datang kepada Yesus?

Atau, mahukah saudara dan saudari, bersama Bartimeus, berteriak kepada Yesus dan berusaha membantu mereka yang lemah, mendekati Yesus?

Kita harus berusaha mencari perkara-perkara yang menghalang atau melumpuhkan panggilan kita untuk berbuat baik terhadap sesama. Marilah kita mengulangi selalu doa Bartimeus: ‘Rabuni, semoga aku dapat melihat!’ **Msgr F.X Hadisumarta O.Carm**



Menjaga kesihatan mental di tempat kerja

PETALING JAYA: Pada Oktober 2, 2024, Pelayan Kesihatan Mental Keuskupan Agung Kuala Lumpur (AMHM), dengan kerjasama Pusat Kaunseling Bethany, telah menganjurkan acara tahunan Hari Kesihatan Mental Sedunia di Gereja St. Ignatius di Petaling Jaya yang dihadiri lebih 350 peserta.

Tema tahun ini, "Masa untuk Mengutamakan Kesihatan Mental di Tempat Kerja," memberi tumpuan kepada kebimbangan yang semakin meningkat tentang kesejahteraan mental di tempat kerja, menekankan keperluan mendesak untuk ruang kerja yang lebih sihat bagi menyokong kesihatan mental pekerja.

Acara ini dirasmikan oleh Nunsio Apostolik, Uskup Agung Wojciech Zaluski, bersama dengan pembantu Gerejawi AMHM, Fr Philip Chua dan para paderi pembantu Gereja St Ignatius.

Pelbagai aktiviti pendidikan dan bengkel yang menarik berkaitan topik kesihatan mental telah dianjurkan sempena acara ini.

Ahli terapi yang pakar dalam terapi muzik, terapi ketawa, terapi bermain pasir, seni ekspresif, dan permainan kad mengendalikannya gerai-gerai pengalaman yang me-

nawarkan peserta peluang untuk merasai sendiri kaedah kreatif dalam menguruskan tekanan, meningkatkan keseimbangan emosi, dan memperbaiki kesejahteraan mental.

Tujuh penceramah berpengalaman menyampaikan ceramah mengenai pelbagai subjek selain daripada kesihatan mental di tempat kerja. Antara topik yang dibincangkan termasuk:

- Hubungan keluarga, dengan fokus kepada memperkukuhkan ikatan antara ibu bapa dan anak-anak untuk mempromosikan kesihatan mental dalam unit keluarga.
- Kesejahteraan peribadi, yang menekankan strategi untuk membina ketahanan dan kesihatan emosi dalam kedua-dua sfera peribadi dan profesional.
- Kesihatan mental di tempat kerja, termasuk teknik pengurusan tekanan, memupuk persekitaran kerja yang menyokong, dan peranan kepimpinan dalam memastikan kesejahteraan mental pekerja.

Salah seorang penceramah, Dr Nicole Chen menyampaikan penekanan kepada kepentingan membina ketahanan dalam keluarga

dan di tempat kerja.

Beliau turut menekankan kepentingan penemuan diri, menyelaraskan tindakan dengan nilai teras, dan menerima adaptasi pada pelbagai tahap kehidupan, di samping keperluan untuk mewujudkan persekitaran yang berdaya tahan di rumah dan di tempat kerja, di mana kesejahteraan emosi diberi keutamaan dan kerentanan bukan sahaja diterima, malah dipeluk.

Fr Philip Chua semasa menyampaikan ucapan penutupnya menyatakan penghargaan ikhlas beliau terhadap para penceramah, hadirin dan sukarelawan.

Para hadirin amat berpuas hati dengan pelbagai topik yang dibincangkan pada hari itu dan aktiviti *hands-on* yang menarik.

Sudah terdapat jangkaan dan harapan besar untuk acara tahun hadapan, bersempena sambutan ulang tahun ke-10 AMHM!

AMHM terus komited untuk meningkatkan kesedaran tentang kesihatan mental dalam komuniti dan masyarakat kita, serta bekerja ke arah masa depan di mana kesejahteraan mental dapat diakses oleh semua dan menjadi keutamaan bersama.

Uskup Agung Simon Poh terima Darjah Panglima Setia Bintang Sarawak



KUCHING: Bersempena sambutan ulang tahun ke-78 Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Uskup Agung Katolik Simon Poh dari Keuskupan Agung Kuching, menerima anugerah Darjah Panglima Setia Bintang Sarawak yang membawa gelaran 'Dato'.

Selepas upacara pelantikan di Astana Negeri, Uskup Agung Dato' Dr Simon Poh merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Sarawak dan menyampaikan pesan berikut:

"Maha Suci Tuhan yang berkuasa, bekerja dalam diri kita, boleh melakukan lebih daripada yang boleh kita mohon atau bayangkan; Dialah kemuliaan di dalam jemaat dan di dalam Kristus Yesus turun-temurun sampai selama-lamanya. Amin." (Efesus 3:20-21)

Sebagai penghormatan kepada Gereja Katolik di Sarawak, saya dengan rendah hati menerima anugerah Darjah Panglima Setia Bintang Sarawak (PSBS) yang membawa gelaran 'Dato' daripada Kerajaan Sarawak.

Selama bertahun-tahun, 62 Sekolah Mission Katolik di seluruh

Sarawak telah membantu beribu-ribu kanak-kanak di bandar, pekan dan pedalaman untuk mengakses pendidikan.

Gereja Katolik sentiasa bekerjasama dengan kerajaan dalam kebajikan bagi mereka yang memerlukan.

Sepanjang tiga tahun pandemik yang lalu, melalui ACS dan bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Sarawak untuk memastikan wabak tidak merebak ke komuniti luar bandar.

Bersama-sama dengan UNIFOR dan Pusat Maklumat Islam (IIC), kami telah membina kepercayaan dan persahabatan dengan mempromosikan forum dan dialog antara Gereja demi keharmonian.

Bagi pihak Uskup Joseph Hii (Sibu) dan Uskup Richard Ng (Miri), kami mengucapkan terima kasih kepada Gabenor dan Kerajaan Sarawak atas pengiktirafan sumbangan Gereja Katolik.

Uskup Agung Simon seterusnya menyeru semua penganut Katolik dan Kristian untuk meneruskan karya belas kasihan, bekerja berganding bahu, dengan jiran-jiran dan rakan-rakan muhibah demi kebaikan bersama Sarawak dan negara kita, Malaysia. **Today's Catholic**

?

Tanya Jawab

Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur
Tel: 03-2026 8291
E-Mel:
liza@herald.com.my

Di mana kediaman Keluarga Kudus di Mesir?

Mudah sekali melupakan bahagian masa kecil Yesus yang berada di luar Betlehem dan Tanah Suci. Demi menyelamatkan diri daripada kekejaman Raja Herodes, Keluarga Kudus melarikan diri ke Mesir dan tinggal di sana selama beberapa tahun.

Sangat menarik untuk memikirkan rentang waktu kehidupan Yesus semasa kecil. Apakah Yesus pernah melihat piramid kuno? Apakah Dia pernah ke sungai Nil yang besar itu?

Sebelum melihat kemungkinan lokasi kediaman Yesus di Mesir, terlebih dahulu mari kita melihat narasi Matius.

Setelah orang-orang majus itu berangkat, nampaklah malaikat Tuhan kepada Yosef dalam mimpi dan berkata: "Bangunlah, ambillah Anak itu serta ibu-Nya, larilah ke Mesir dan tinggallah di sana sampai Aku berfirman kepadamu, kerana Herodes akan mencari Anak itu untuk membunuh Dia." Maka Yosef bangun, diambalnya Anak itu serta ibu-Nya malam itu juga, lalu menyingkir ke Mesir dan tinggal di sana hingga Herodes mati. Hal itu terjadi supaya genaplah yang difirmankan Tuhan oleh nabi: "Dari Mesir Ku panggil Anak-Ku" (Matius 2:13-15).

Para sejarawan tidak sependapat mengenai tarikh kematian Raja Herodes. Ada yang mengatakan Herodes mati pada 4 SM, sementara yang



lain menyatakan tahun 1 Masihi.

Apa pun perhitungan waktu yang sebenarnya, ada tradisi tempatan yang menyatakan bahawa Keluarga Kudus tinggal di Mesir selama empat tahun.

Menurut tradisi setempat, dikatakan bahawa perhentian pertama Keluarga Kudus adalah di Farma, di sebelah timur Sungai Nil.

Kemudian mereka melanjutkan perjalanan ke Mostorod, sebuah kota di utara Kairo. Ada juga lagenda, mata air muncul setelah Keluarga Kudus tiba di Mostorod.

Setelah itu mereka singgah di Sakha dan di tempat ini terdapat batu yang terdapat jejak kaki bayi Yesus.

Selanjutnya mereka melanjutkan perjalanan ke Wadi El Natrun, sebelum berhenti tepat di luar kota Kairo. Di kawasan ini, terdapat tempat di mana sebuah pohon memberikan keteduhan kepada Keluarga Kudus.

Keluarga Kudus ini pasti melihat piramid kuno Mesir semasa dalam perjalanan mereka, mungkin juga berhenti sejenak untuk melihat pemandangan yang begitu menakjubkan.

Keluarga Kudus kemudian melanjutkan perjalanan ke Kairo Lama dan sampai ke Maadi, lalu menaiki perahu ke Deir El Garnous dan kemudian ke Gabal Al-Teir.

Tempat tujuan utama Keluarga Kudus adalah Gebel Qussqam yang dipercayai tempat tinggal Keluarga Kudus selama sekitar enam bulan. Sebelum kembali ke kampung halaman mereka, mereka singgah di Assiut dan kemudian kembali ke Tanah Suci.

Orang-orang Koptik sangat bangga dengan peristiwa khusus dalam kehidupan Yesus ini dan merasa sangat dekat dengan Keluarga Kudus, yang berjalan dan tinggal di antara mereka semasa awal kehidupan Yesus sebagai seorang anak kecil. **Aleteia**

Sahabat kecil Yesus

**ANAK
KASIHANILAH
AKU!**


1. Lalu tibalah Yesus dan murid-murid-Nya di Yerikho/Yerusalem.
2. Ada seorang pengemis yang buta, bernama Bartholomew/Bartimeus anak Timeus/Filipus duduk di pinggir kedai/jalan.
3. Ketika didengarnya, bahawa itu adalah Yesus/Matius orang Nazaret/Yeriko, mulailah dia berseru ...

**Mari
Mewarna**

Siapakah nama pengemis buta yang meminta penyembuhan dari Yesus di Yeriko?

_____ anak _____


Markus
10:46-52



Soalan A:

Apakah permintaan Bartimeus terhadap Yesus? Bongkar simbol pada gambar A dan B untuk mendapatkan jawabannya.

❄ = **AKU** ✖ = **SUPAYA** ✌ = **RABUNI**
 ☆ = **DAPAT** 👉 = **MELIHAT**



★ = **MENYELAMATKAN** ❄ = **PERGILAH**
 👑 = **IMAN MU** ✓ = **ENGKAU** ∞ = **TELAH**

Hello adik-adik,

Apa khabar? Injil pada hari Minggu ini mengisahkan tentang seorang pengemis buta, bernama Bartimeus yang tinggal di Yeriko.

Pasti adik-adik tahu bagaimana susahya hidup sebagai seorang yang buta, bukan?

Semasa Yesus tiba di Yeriko dan apabila mendengar bahawa Yesus dari Nazaret itu berada di kotanya, sudah pasti Bartimeus sangat gembira.

Dia lantas berteriak memanggil Yesus sehingga orang-orang di sekelilingnya berasa terganggu dan menyuruhnya diam.

Adik-adik, orang-orang itu tidak tahu betapa terdesaknya Bartimeus untuk bertemu Yesus.

Dan, seharusnya, orang-orang itu membantu dan mengutamakan orang kurang upaya seperti Bartimeus, untuk bertemu dengan Yesus, namun sedihnya, Bartimeus disuruh diam malah tidak dibantu.

Yesus ternyata melihat iman Bartimeus dan Dia menyembuhkan mata Bartimeus.

Setelah matanya sembuh dan ssebagai kesyukuran, Bartimeus menjadi salah seorang pengikut Yesus dan menyertai Yesus untuk perjalanan yang seterusnya.

Salam Sayang
Antie Melly

BELIA

SUKER 2024, pupuk semangat kepimpinan kaum muda

SARIKEI: Kerasulan Belia Sarikei telah menganjurkan SUKER (Sukan Gereja) 2024 yang menghimpunkan 100 peserta dan 20 ahli jawatankuasa untuk sukan sehari yang diisi dengan permainan, persahabatan dan membina semangat kepimpinan dalam kalangan belia.

Acara meriah itu merupakan inisiatif seratus peratus belia, disertai peserta berumur tujuh hingga 28 tahun yang mengambil bahagian dalam pelbagai acara sukan dan aktiviti. Kerasulan belia juga mengatur logistik termasuk pengu-rusan memasak dan permainan.

Penglibatan mereka menganjurkan SUKER 2024 memberikan pengalaman

yang tidak ternilai dalam kepimpinan dan kerja berpasukan serta mempersiapkan mereka untuk lebih bertanggungjawab dalam pelayanan.

Rektor paroki dan pembantunya turut hadir untuk memberikan sokongan, seterusnya menggalakkan para belia menjadi pemimpin.

SUKER 2024 adalah lebih daripada sekadar sehari yang menyeronokkan; ia merupakan satu langkah kritikal dalam membina pemimpin masa depan Kerasulan Belia Sarikei. Kejayaan acara tersebut telah meletakkan harapan yang tinggi untuk aktiviti masa depan. **Today's Catholic**



Remaja belajar kemahiran selesai masalah



TURA, India: Baru-baru ini, Keuskupan Tura menganjurkan sesi animasi dan latihan selama dua hari pada Oktober 5 hingga 6 yang menggalakkan golongan muda lebih sadar tentang dunia di sekeliling mereka dan membuat perubahan positif.

Inisiatif ini dikendalikan oleh Pertubuhan Pelajar Katolik Muda (YCS), yang menyedari peningkatan cabaran dalam kehidupan peribadi dan sosial dalam kalangan belia.

Dengan menawarkan metodologi *SEE, JUDGE* dan *ACT*, para peserta menjadi lebih sadar tentang dunia di sekeliling mereka, merenung keadaan mereka dan mengambil tindakan untuk membuat perubahan positif.

Metodologi itu juga meliputi pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, juga menekankan refleksi dan penilaian peribadi dalam kalangan belia.

Acara dua hari itu disertai para remaja dari pelbagai sekolah mission dan mereka mengambil bahagian dalam perbincangan dan aktiviti yang berpusat pada cabaran yang mereka hadapi.

Para penceramah, termasuk Sr Wansuk Mary Lyngdoh, Penyelaras YCS/YSM Wilayah, Cik Alva Khyriem, mantan Presiden YCS/YSM Wilayah, dan Encik Janseng N. Sangma, Animator YCS/YSM untuk Keuskupan Tura, membimbing pelajar melalui kumpulan dan sesi interaktif yang menggalakkan dialog terbuka.

Salah satu sorotan utama program itu ialah sesi bersama Uskup Andrew Marak dari Tura, yang berkongsi perjalanan imannya sendiri. Uskup Marak menekankan kepentingan menghadiri Misa dan Sekolah Minggu, menekankan bagaimana amalan ini dapat membantu remaja mengharungi tekanan yang mereka hadapi dalam dunia hari ini. **Licas.news**

Belia diseru cipta persekitaran digital yang sihat

KUALA LUMPUR: 35 peserta dari Kerasulan Belia Gereja St Joseph dan pelajar katekismus Tingkatan 4 berkumpul di Pusat Formasi paroki baru-baru ini untuk membincangkan kesan era digital terhadap iman belia.

Sesi ini dianjurkan sebagai tindak balas laporan Sinode mengenai Misi dalam Persekitaran Digital, yang bertujuan untuk membantu golongan muda merenung bagaimana dunia digital mempengaruhi iman dan kehidupan rohani mereka. Inisiatif ini juga mengambil pandangan daripada Seruan Apostolik Sri Paus Fransiskus mengenai Kaum Muda, Iman dan Panggilan, khususnya kesan persekitaran digital terhadap kehidupan rohani belia.

Bapa Suci menghuraikan bagaimana persekitaran digital boleh membahayakan masyarakat tetapi ini bukanlah tidak dapat ditangani. Jika belia dapat menggunakan teknologi digital dengan baik, ia dapat berfungsi sebagai panggilan untuk bangkit dalam iman dalam kalangan Katolik dan penyokong kebaikan bersama.

Setiap belia perlu sadar akan tanggungjawab mereka sebagai Katolik, mengajak rakan-rakan belia mereka mengemudi dunia digital dengan bijak serta menggunakannya untuk menyebarkan Khabar Sukacita.

Dalam ucapannya, Msgr James Gnanapiragasam, menyuarakan kebimbangan penyalahgunaan teknologi digital, lebih-lebih lagi belia hari ini adalah "peribumi digital" iaitu sangat akrab dengan teknologi, tidak seperti generasi lama yang sering dipanggil "pendatang digital."



Msgr James menyeru "peribumi belia digital" untuk memberi teladan positif, menyokong amalan seperti mengesahkan sumber, menyahaktifkan laman web yang berbahaya, dan mewujudkan platform yang membolehkan golongan muda berkongsi iman dan mengukuhkan pertumbuhan rohani mereka.

Para peserta digalakkan untuk mengambil berat tentang aktiviti dalam talian mereka dan kesan berkekalan akibat jejak digital mereka.

Mereka diingatkan bahawa setiap siaran, ulasan atau interaksi dalam talian meninggalkan jejak dan mereka digesa untuk merenung bagaimana kehadiran digital mereka mencerminkan nilai dan iman mereka. Dengan menjadi lebih sadar tindakan mereka, belia boleh menyumbang kepada persekitaran digital yang lebih positif dan bertanggungjawab.



Yang Menarik Sinode 2024

1. Muktamad: Tidak ada kajian lanjut pentahbisan diakon wanita

Pada hari kerja pertama Sinode mengenai Sinodal, Oktober 2, Kardinal Victor Manuel Fernández, ketua Dikasteri untuk Doktrin Iman, menutup spekulasi mengenai kajian teologi lanjut mengenai kemungkinan wanita ditahbiskan sebagai diakon.

Kardinal Victor mengatakan,

"Berdasarkan analisis yang dijalankan setakat hari pertama Sinode dan hasil kerja dua komisi yang ditubuhkan oleh Sri Paus Fransiskus — hakim dikasteri bahawa tiada ruang untuk keputusan positif oleh magisterium mengenai akses wanita ke jabatan diakon.

2. 62,000 euro untuk Gaza

Sebanyak 62,000 euro telah dikumpul pada Oktober 7 untuk mangsa perang di Gaza.

Ini diumumkan oleh Kardinal Paolo Ruffini, Ketua Dikasteri Komunikasi dan Presiden Komisi Maklumat Sinode.

Ruffini berkata 32,000 euro telah didermakan oleh para peserta Sinode, manakala baki 30,000 lagi adalah sumbangan dari yayasan kebajikan Apostolic Almoner.

Sumbangan itu telah diserahkan kepada paderi paroki Gereja Keluarga Suci di Gaza, Fr Gabriel Romanelli.



3. Pendeta Wanita Mennonite, terkejut diundang ke Sinode

Pendeta Anne-Cathy Graber, seorang pemimpin dari Persidangan Dunia Mennonite dan setiausaha untuk hubungan ekumenikal, yang mengambil bahagian dalam Sinode untuk kali pertama, berkata, "saya terkejut kerana diundang ke sinode



ini kerana gereja kami adalah gereja minoriti. Ini menunjukkan Gereja Katolik mendengar dan mementingkan setiap suara. Tiada satu pun yang terkecuali!"

4. Uskup Anglikan puji sesi sinodal Katolik

Tidak seperti sesi sinodal Anglikan, sesi sinodal Katolik sangat kaya dengan doa, hening dan yang penting, ia tidak bersifat parlimen atau perundangan, kata Uskup Martin Warner dari Chichester, presiden bersama "English-Welsh Anglican-Roman Catholic



Committee".

Katanya, sinode memastikan semua peserta berasa "dilindungi", di mana hati mereka terbuka antara satu sama lain, dalam perbualan dengan Roh, untuk melihat secara kreatif dan berani menghadapi cabaran abad ini."

5. Pertama kali Uskup dari China berucap dalam intervensi

Perhatian Sinode tertumpu kepada sesi intervensi pada Oktober 7.

Buat pertama kalinya, seorang uskup dari China turun padang untuk bercakap dalam perhimpunan sinode.

Uskup Joseph Yang Yongqiang




Uskup Joseph Yang berdiri di tengah.

dari Keuskupan Hangzhou, yang turut serta dalam perhimpunan tahun lepas tetapi kembali ke China sebelum sesi berakhir, merupakan salah seorang daripada dua perwakilan uskup tanah besar China yang dilantik ke sinode oleh Sri Paus Fransiskus.

Uskup Joseph Yang membaca ucapan ringkas dalam bahasa Cina, tentang sejarah Katolik China, perjanjian China dengan Vatikan mengenai pelantikan uskup dan pertukaran budaya.

6. Berdoa di tapak para martir Kristian pertama

Sri Paus Fransiskus dan para peserta Sinode, berdoa bersama di tapak para martir Kristian pertama di Roma, pada Oktober 11, 2024.



Apabila wanita memimpin



impaknya serta merta!

LAGOS: Hari Kanak-Kanak Perempuan Antarabangsa disambut setiap tahun untuk mengingatkan dunia bahawa anak perempuan adalah rahmat dan harta keluarga, masyarakat dan dunia. Masih terdapat berjuta-juta gadis yang hidup dalam keadaan yang tidak dikasihi, tidak berperikemanusiaan dan mereka mendambakan suara mereka didengari.

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, tema tahun ini menyampaikan keperluan mendesak untuk tindakan segera dan harapan berterusan, demi masa depan kanak-kanak perempuan.

Hari ini, dalam kebanyakan masyarakat Afrika, kanak-kanak perempuan lebih disayangi, dihargai dan diberi kuasa melalui pendidikan dan peluang berbanding masa lalu.

Namun, masih terdapat berjuta-juta gadis Afrika yang tinggal dalam persekitaran yang tidak selamat, dipengaruhi oleh amalan budaya dan agama yang tidak adil, dan dengan peluang yang kurang dalam hidup kerana mereka adalah perempuan.

Dengan kerjasama pelbagai organisasi, kumpulan tempatan dan antarabangsa, Gereja di Afrika terus berusaha bersungguh-sungguh untuk memperkasakan kanak-kanak perempuan itu melalui pendidikan dengan kemahiran dan perlindungan.

Salah satu kumpulan iaitu Persidangan Agama Wanita Nigeria (NCWR), berusaha untuk mempromosikan martabat kanak-kanak perempuan itu melalui aktiviti dan projek pastoralnya di seluruh Nigeria.

Realiti peperangan, kemiski-

nan dan krisis iklim global menjadikan dunia kita hari ini tempat yang sangat mencabar untuk didiami.

Setiap kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak perempuan, ingin hidup dalam persekitaran yang penuh kasih sayang, aman dan selamat.

Mereka mahu masa depan di mana mereka boleh mengembangkan potensi mereka sepenuhnya dan menyumbang secara positif kepada masyarakat. Ketika dunia meraikan Hari Kanak-kanak Perempuan tahun ini, masyarakat harus mengingati bahawa "apabila gadis memimpin, impaknya serta-merta dan meluas: keluarga, masyarakat dan ekonomi semuanya lebih kukuh, masa depan kita lebih cerah" (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu). Media Vatikan

Majalah rohani kanak-kanak Pakistan dapat pujian Uskup

LAHORE: Majalah baharu untuk kanak-kanak Kristian dipanggil "Baily" telah dilancarkan oleh pertubuhan Hope for Light yang berpangkalan di Lahore di Pakistan.

Direka bentuk untuk memenuhi keperluan pembaca muda, majalah dwibahasa ini menampilkan kandungan dalam bahasa Urdu dan Inggeris, termasuk kisah-kisah dari Kitab Suci, puisi dan bahan menarik lain.

Penerbitan itu bertujuan untuk menyediakan batu ujian budaya dan platform terbuka untuk golongan muda Kristian untuk berkongsi karya kreatif mereka.

Idea untuk "Baily" bermula pada tahun 1997 di daerah Khanewal, namun tidak pernah diterbitkan.

Menurut Ataurehman Saman, pengarah majalah itu, visi itu berterusan selama bertahun-tahun dan disesuaikan bagi memenuhi keperluan pelajar masa kini.

"Kami sedang mengedarkannya secara percuma untuk meningkatkan kesedaran. Kami akan menggalakkan sekolah untuk mengedarkan majalah ini," kata Saman sambil menyatakan bahawa mereka merancang untuk bekerjasama dengan institusi



pendidikan untuk mencapai pembaca lebih ramai.

"Jika mendapat sokongan, kami akan menambah bilangan muka surat. Kami bercita-cita untuk mewujudkan sekumpulan editor dan kami menyediakan mereka dengan halaman," tambahnya.

Reka bentuk majalah termasuk percetakan empat warna pada kertas berkualiti, menjadikannya menarik secara visual kepada kanak-kanak.

Uskup Humphrey Peters, dalam perutusannya, menekankan keperluan kesusasteraan Kristian yang berkualiti untuk kanak-kanak di Pakistan.

"Saya mengucapkan tahniah kepada Hope for Light kerana memulakan majalah Baily untuk kanak-kanak Kristian," katanya.

"Sudah agak lama kanak-kanak Pakistan menginginkan majalah rohani. Saya memohon kepada semua Sekolah Minggu dan denominasi Kristian, untuk menyokong majalah Baily."

Prelatus itu juga menggalakkan ibu bapa untuk menyokong anak-anak mereka membaca majalah itu. "Melalui 'Baily', kita boleh berkongsi ajaran Kitab Suci yang unik, melalui puisi dan prosa, demi meningkatkan iman kanak-kanak." AsiaNews

Berita gembira: Roh Kudus beri kehidupan kekal!

VATIKAN: “Iman membebaskan kita dari pada kengerian fikiran yang menyangka segala-galanya akan berakhir begitu sahaja, tidak ada penebusan untuk penderitaan dan ketidakadilan yang memerintah di bumi.”

Sri Paus Fransiskus memberikan peringatan yang menghiburkan ini semasa Audiensi Umum minggunya pada pagi Rabu, Oktober 16 di Dataran Sto Petrus, meneruskan siri katekesisnya mengenai Roh Kudus.

Pada minggu tersebut, Sri Paus beralih daripada membincangkan apa yang telah diwahyukan kepada kita tentang Roh Kudus dalam Kitab Suci, kepada bagaimana Roh Kudus hadir dan bekerja dalam kehidupan Gereja.

Bapa Suci menghuraikan peranan Roh Kudus sepanjang sejarah Gereja dan kuasanya dalam memajukan perdamaian dan hubungan di kalangan orang Kristian.

Sri Paus Fransiskus juga mengingatkan para hadirin yang berada di Dataran Sto Petrus bahawa dalam kehidupan Tritunggal Mahakudus, Roh Kudus adalah “selaras,”



sama dalam keilahian dengan Bapa dan Anak, dan sebagai “pemberi kehidupan”, Roh Kudus memberi kita bahagian dalam Kehidupan Kristus sendiri dan kemenangan atas dosa dan kematian.

Dalam konteks ini, Roh Kudus sememangnya Tuhan. “Roh Kudus ialah Tuhan.

Dia ialah Tuhan,” katanya.

“Jadi apakah berita hebat dan menghiburkan bagi kita?” prelatus itu bertanya dan menjawab, “Berita gembiranya ialah hidup yang diberikan kepada kita oleh Roh Kudus ialah hidup yang kekal!”

“Oleh sebab itu, semoga fikiran kita tenang kerana mengetahui bahawa ada lebih banyak perkara yang menyusul di sebalik kesengsaraan hidup dan dunia ini.

Pada akhir refleksinya, Bapa Suci menggesa umat beriman untuk memupuk iman juga “bagi mereka yang selalu memikirkan mereka tidak melakukan apa-apa kesalahan, semoga sikap ini dapat dihakis kerana pemikiran sedemikian menyebabkan seseorang tidak dapat mencari makna dalam hidup.”

“Dan janganlah kita lupa untuk berterima kasih kepada-Nya, kerana dengan kematian-Nya, kita telah diselamatkan, ditebus dan memperoleh hadiah yang tidak ternilai ini untuk kita!” **Media Vatikan**

Kesalahan para ibu dalam Kitab Suci dan pengajarannya

Kitab Suci bukan sahaja menampilkan Ibu-ibu yang berani dan bijaksana, tetapi ibu yang terkenal namun jauh dari sempurna. Mereka juga membuat kesilapan tetapi kesilapan itu mengajar kita banyak pengajaran.

Berikut merupakan kisah para ibu dalam Kitab Suci, yang pernah melakukan kesilapan:

Hawa:

Siapa yang tidak kenal Hawa? Wanita pertama dan ibu pertama kita. Dia telah membuat kesilapan pertama yang membawa manusia ke dalam dosa. Apabila ular itu menggodanya, dia telah makan buah dari pohon yang dilarang Tuhan.

APA YANG BOLEH KITA PELAJARI: Kita semua menghadapi godaan, dan seperti Hawa, pilihan kita ada akibatnya. Tetapi berita baiknya ialah walaupun kesilapan yang kita lakukan itu amat besar, Tuhan memaafkan. Tuhan mengizinkan kita untuk terus maju walaupun kita melakukan kesilapan.

Sarah

Sarah menjadi tidak sabar menunggu janji Tuhan tentang seorang anak lelaki. Jadi dia bertindak sendiri dan mendesak Abraham, suaminya, untuk mempunyai anak dengan hambanya Hagar. Keputusan dan pilihan Sarah membawa kepada konflik dan sakit hati.

APA YANG BOLEH KITA PELAJARI: Mempercayai Tuhan adalah penting. Walaupun kita ragu, Dia tetap setia. Menggunakan kekuatan sendiri hanya membawa kepada komplikasi yang sebenarnya boleh dielakkan.

Isteri Lot

Isteri Lot hanya muncul beberapa kali dalam Kitab Suci tetapi apa yang dia lakukan mempunyai kesan besar dan meragut nyawanya. Dia tidak mematuhi amaran



malaikat dan menoleh ke arah Sodom, akibatnya, dia berubah menjadi tiang garam.

APA YANG BOLEH KITA PELAJARI: Melanggar perintah Tuhan boleh membawa akibat yang teruk. Kita perlu mempercayai Dia dan bergerak ke hadapan dalam iman.

Batsyeba

Batsyeba mempunyai hubungan sulit dengan Raja Daud, dan akibatnya, ia mencetuskan beberapa peristiwa yang menyakitkan. Suaminya, Uria, meninggal dunia, dan Batsyeba kehilangan anak pertamanya. Tetapi kisahnya tidak berhenti di situ. Daripada kekacauan ini, kehidupan Batsyeba berubah yang tidak dijangka. Dia akhirnya menjadi ratu dan ibu kepada Salomo, raja Israel yang paling bijak.

APA YANG BOLEH KITA PELAJARI: Pilihan yang salah boleh membawa kepada akibat yang menyakitkan, tetapi tidak ada kesilapan yang terlalu besar bagi Tuhan. Tuhan tetap menebus kita dan membawa kebaikan. Batsyeba akhirnya menjadi ratu dan ibu kepada Salomo, raja Israel yang paling bijak.

Atalia

Atalia ialah anak perempuan Ahab dan Izebel. Dia mengambil langkah drastik untuk menaiki takhta sehingga sanggup membunuh semua bakal waris - termasuk

cucunya sendiri. Namun, rancangannya gagal. Salah seorang cucunya, Joash, yang telah disembunyikan, akhirnya dinobatkan sebagai raja, yang membawa kepada kejatuhan Atalia.

APA YANG BOLEH KITA PELAJARI: Dari pada Atalia, kita belajar bahawa cita-cita boleh menjadi mudah merosakkan apabila ia didorong oleh ketakutan, kerakusan dan rasa tidak selamat. Kepimpinan sebenar adalah tentang membantu orang lain, bukan menghancurkan mereka untuk kepentingan peribadi.

Ada beberapa lagi ibu dalam Kitab Suci yang pernah membuat kesilapan. Tujuan artikel ini bukanlah untuk menyerlahkan ketidaksempurnaan mereka sebaliknya melihat peluang untuk belajar dan berkembang walaupun dalam kegagalan kita.

Kesilapan mereka mengingatkan kita bahawa Tuhan sentiasa bersedia untuk membimbing, mengampuni dan membantu kita untuk bertumbuh dalam iman.

Dalam perjalanan kita sebagai ibu, rahmat Tuhan adalah sumber kekuatan untuk para ibu meneruskan usaha dan peranan mereka.

Apabila kita tersandung, Dia ada untuk menjemput kita. Apabila kita gagal, Dia mengisi kekecewaan kita dengan janji setia-Nya. Kasih-Nya berterusan, membimbing kita setiap langkah. **Aleteia**

Injil, kompas kehidupan

Sebelum telefon bimbit dilengkapi dengan skanta atau lensa kamera untuk mengambil gambar, kita hanya dapat menggunakan kamera dengan pelbagai jenis kanta untuk fotografi. Pada hari ini, kita masih boleh melihat, jurugambar yang gigih, membawa kanta dalam pelbagai saiz untuk kesan optik yang diinginkan.

Sesungguhnya, jika kita ingin menyampaikan sesuatu yang hakiki kepada penonton, kita akan menentukan lensa yang sesuai untuk menangkap realiti. Kita mungkin menyerlahkan lagi ciri tertentu pada imej, menapisnya terlebih dahulu untuk penceritaan yang menarik.

Maka, kanta apakah yang kita guna untuk melihat realiti akan mempengaruhi pemahaman intelek serta afektif kita? Jika kita menggunakan kanta fisheye untuk melihat, objek pada margin akan diherotkan, dan mencipta imej bulat realiti.

Jika kita menggunakan kanta dengan penapis warna tertentu, gambar akan diwarnai dengan warna tersebut. Tetapi jika kita menggunakan kanta yang salah untuk menangkap komposisi tertentu, imej data yang terhasil akan menjadi tidak fokus dan kelihatan kabur.

Pada bulan Jun lalu, ketika saya melawat Amerika Syarikat, saya berbual dengan salah seorang uskup dan kami berbicara tentang masalah berulang Gereja dan negara di mana kami melihat realiti ini melalui “lensa politik.”

Namun apa yang membimbangkan saya ialah akibat jangka panjang yang merangkumi pembentukan pandangan dunia yang berat sebelah, dan ketakutan terhadap orang asing sehingga kita terdorong mempercayai bahawa tindakan mesti diambil untuk membendung atau menghapuskan mereka.

Bolehkah kita menggantikan kanta yang bermasalah ini? Terdapat kanta yang menonjolkan kemuliaan manusia dan keindahan Ciptaan Tuhan, seperti muzik, seni, sastera, sains, agama, dan kerohanian.

Ironinya, lensa yang kita gunakan dan naratif yang kita ambil dalam hati, seterusnya, membentuk masa kini dan masa depan dunia kita. Sejauh mana kita sedar bahawa kita semakin sekular? Dan sejauh mana kita membenarkan pendapat pemimpin-pemimpin politik memilih lensa untuk kita dan membentuk masa depan kita?

Sebagai orang Kristian, kita percaya bahawa Injil menawarkan kompas yang memberi kehidupan yang menyeluruh dan bertujuan untuk kehidupan yang baik seseorang.

Pemahaman yang mendalam, penerimaan yang ikhlas, dan keberanian menjalani ajaran Injil akan memastikan kita kehidupan yang baik yang membawa berkat bukan sahaja kepada diri kita tetapi kepada dunia.

Memang satu cabaran bagi kita untuk memilih kanta perkataan yang baik, kanta peneguhan dan kanta harapan, lebih-lebih lagi ketika kita dikritik teruk atau diserang secara tidak adil daripada ejen luar.

Pilihan untuk menggunakan kanta yang selari dengan tindakan mereka, memang amat menggoda. Misalnya budaya “mata ganti mata” atau “gigi ganti gigi” (tindakan membalas dendam) semakin diterima oleh dunia hari ini. Mampukah kita menahan diri dari terjatuh ke dalam lingkaran yang bertentangan dengan Injil?

Bagi kami, komuniti umat Katolik di Hong Kong, satu-satunya cara untuk memutuskan lingkaran jahat ini ialah menumpukan pada kebaikan, terlibat dalam dialog, membina jambatan persahabatan dan mengelakkan retorik ugutan.

● *Terjemahan komentar Kardinal Stephen Chow Sau-yan dari Hong Kong, diterbitkan akhbar mingguan Keuskupan Hong Kong, Sunday Examiner pada Oktober 4, 2024 dan diterbitkan semula oleh licasnews.com*

Perhimpunan Pastoral Wilayah Sarawak

SIBU: “Benarkan Roh Kudus membimbing kita, bukan sahaja untuk Sarawak atau Malaysia, tetapi seluruh Asia Tenggara. Kita harus mendengar Roh Kudus dan membenarkan Dia membimbing kita sepanjang perjalanan,” demikian seruan Uskup Joseph Hii semasa memimpin Misa pembukaan Perhimpunan Pastoral Wilayah Sarawak (SRPA) di Pusat Pastoral Kemuyang, Sibu dari September 18–19, 2024.

“Inilah kali pertama, tiga keuskupan Katolik di Sarawak bersatu dan berhimpun sebagai umat Tuhan, untuk Meraikan, Mendengar dan Berjalan dalam Misi,” kata Fr Patrick Heng, pengerusi Jawatankuasa Penganjur SRPA 2024, yang mengalu-alukan kehadiran 175 perwakilan dari tiga keuskupan/agung Sarawak iaitu Kuching, Sibu dan Miri.

Laporan Sintesis

Hasil keputusan SRPA bergantung kepada tiga Laporan Keuskupan yang disusun dari Perhimpunan Pastoral Paroki masing-masing dan Perhimpunan Pastoral Keuskupan/Agung pada 2022-2023.

Laporan tersebut dikongsi oleh Fr Patrick Heng, Fr Andy Lee dan Martina Yong dari Keuskupan Agung Kuching, Keuskupan Miri



dan Keuskupan Sibu.

Para perwakilan dibahagikan kepada 29 kumpulan untuk mendengar Roh Kudus dalam kaedah Perbualan Rohani. Mereka berkongsi tentang tujuh perkara utama yang telah dirumus dan dibentangkan dalam Laporan Sintesis oleh Fr Andy Lee.

Antaranya ialah kepentingan pembentukan iman dalam keluarga dan Gereja adalah inklusif.

Kemudian kesemua tujuh perkara utama itu dirumus menjadi lima konsep yang mencerminkan visi dan misi ketiga-tiga keuskupan Sarawak iaitu:

- Kita dipanggil untuk menjadi murid (hubungan peribadi dengan Yesus).
- Kita dipanggil untuk menjadi sebuah keluarga: persekutuan (dengan Tuhan dan dengan satu sama lain).

Pembentukan iman adalah sebahagian daripada pemuridan (*discipleship*).

● Keluarga dan Gereja menyokong satu sama lain dalam pembentukan iman.

● Dengan pembentukan teguh dalam iman, kita dapat memberikan kesaksian iman dalam masyarakat.

Apa itu Gereja Malaysia?

Uskup Agung Emeritus John Ha telah dijemput untuk menyampaikan buah fikirannya dalam SRPA.

Katanya, SRPA adalah satu langkah ke arah MPC 2026. Memandangkan matlamat MPC adalah untuk merealisasikan sebuah Gereja Malaysia, Uskup Agung Emeritus mengajukan soalan ini: “Adakah wujud Gereja Malaysia? “Apakah itu Gereja Malaysia?”

Prelatus itu menegaskan bahawa sinodaliti harus menjadi kuasa asas untuk sejagat dan juga Gereja Malaysia. Tiada siapa yang terkecuali. Gereja Malaysia ialah Gereja yang bersatu dalam kemajmukan, bersatu dalam kepelbagaian.

Uskup Agung Emeritus juga mencadangkan selepas MPC 2026, seluruh Gereja Malaysia digalakkan untuk menjalankan program selama tiga tahun seperti berikut:

- Tahun Pertama: Tahun Alkitab – Firman Tuhan
- Tahun Kedua: Syahadat para Rasul – Iman
- Tahun Ketiga: Sakramen-sakramen – Liturgi dan Kehidupan (Iman yang hidup)

Prelatus itu juga mencadangkan agar setiap tahun itu harus disertai dengan doa serta perbualan tentang pengalaman untuk peneguhan se-

angkat sinodal.

Uskup Agung Simon Poh memimpin Misa penutup SRPA bersama para paderi. Dalam homilinya, beliau berkongsi kata-kata Bapa Suci Fransiskus semasa berkunjung ke Singapura pada bulan September lalu, bahawa “tidak mengapa untuk mengkritik Gereja jika ia adalah untuk “membawa sesuatu yang baik dan bukan untuk merendahkan orang.”

“Jadilah Gereja yang mengalu-alukan. Pergi lebih jauh melangkaui paroki, keuskupan, Malaysia, Asia dan dunia kita. Cinta Tuhan tidak membezakan sesiapa pun. Jadi, marilah kita memohon kepada Tuhan untuk membantu kita sentiasa menjadi Gereja yang mesra, membawa kasih dan belas kasihan-Nya kepada semua,” kata Uskup Agung Simon Poh. **Sumber Today's Catholic**

Harapan tiga uskup Sarawak untuk misi dan penginjilan

SIBU: Perhimpunan Pastoral Wilayah Sarawak (SRPA) telah berakhir pada September 19 yang lalu.

Tiga orang Uskup dari tiga keuskupan/agung Katolik di Sarawak memberikan refleksi mereka:

Uskup Joseph Hii mengenang Sejarah awal Gereja di Sibu, bermula dengan keluarga Brooke.

Beliau ingin melihat keamanan berterusan di Malaysia. Baginya, menyatukan empat perkara utama MPC2026: Keluarga, Gereja, Masyarakat dan Ekologi adalah apa yang kita panggil sebagai “Rumah”.

Apabila kita berada di “rumah” dengan keluarga kita, Gereja, masyarakat dan ekologi, kita sebenarnya berada “di rumah dengan Tuhan”.

Memandangkan sinodaliti adalah mengenai Misi, Uskup Richard Ng dari Miri berharap Sarawak akan dapat menghantar misionari ke seluruh dunia, suatu



Perhimpunan Pastoral Wilayah Sarawak (SRPA) berlangsung pada September 18-19 lalu di Sibu.

hari nanti. Prelatus itu memuji cadangan Program Tiga Tahun selepas MPC2026 oleh Uskup Agung Emeritus John Ha, yang menurutnya merupakan program pembentukan iman yang kukuh.

Uskup Agung Simon Poh dari Kuching menyatakan keperluan untuk melatih kaum muda untuk bergabung dengan warga emas.

Orang muda mempunyai tenaga dan semangat, manakala orang tua mempunyai kebijaksanaan

untuk membimbing mereka, menghasilkan Satu Gereja dalam persekutuan dan perpaduan.

Uskup Agung Simon juga bercakap tentang Penginjilan dan Misi bahawa di tempat kerja, penginjilan selalu diabaikan. Beliau juga bercakap tentang membentuk para murid untuk melakukan karya-karya misi, agar Yesus dapat diperkenalkan kepada semua orang. **Sumber Today's Catholic**



Doa rosari 12 jam untuk keamanan di CDM

SHAH ALAM: Sebagai menyahut seruan Sri Paus Fransiskus untuk Hari Doa dan Puasa pada Oktober 7, Gereja Kerahiman Ilahi (CDM) menjemput umat beriman untuk berdoa rosari dalam pelbagai bahasa dari tengah malam hingga tengah hari.

Paderi paroki, Fr George Harrison mengatakan kesempatan itu mencerminkan perpaduan global Gereja dengan menggalakkan doa dalam pelbagai bahasa.

Doa rosari didoakan setiap jam dalam bahasa Iban, Bidayuh, Kadazan dan Indonesia, diikuti oleh Tamil, Hindi, Bahasa Melayu, Urdu, Mandarin, Sinhala, Hiligaynon (dialek Filipina), Itali, Rusia, Malayalam dan berakhir dalam bahasa Inggeris.

Richard Rajak, ketua Kumpulan Umat Bahasa Malaysia CDM, berkata beliau amat tersentuh dengan usaha paderi paroki yang menyahut seruan Sri Paus dengan pantas dan menganjurkan doa rosari 12 jam.

Carmelo Ferlito, yang mengetuai doa rosari dalam bahasa Itali berkongsi, “Saya berdoa agar keamanan akan kembali di Timur Tengah dan di tempat-tempat yang mengalami konflik di seluruh dunia.

Sungguh indah berada dalam persekutuan doa dengan seluruh Gereja sejagat, mengetahui bahawa kita berdoa bersama untuk intensi yang sama pada tarikh yang penting iaitu ulang tahun Lepanto (1571) dan sempena Pesta Maria Ratu Rosari.”